

BAB EMPAT:
MANUSIA DAN GOLONGAN
INTELEKTUAL ASET UTAMA TAMADUN

BAB 4

MANUSIA DAN GOLONGAN INTELEKTUAL ASET UTAMA TAMADUN

4.1 Manusia dan haiwan

Manusia yang merupakan sejenis haiwan mempunyai banyak ciri-ciri yang serupa dengan haiwan yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara manusia dan haiwan lain yang menjadikan manusia bertaraf lebih baik. Perbezaan asas antara manusia dan haiwan lain yang membentuk keinsanannya iaitu kebudayaan dan tamadun terdapat dalam dua aspek iaitu pandangan dan kecenderungannya.

Manusia sepetimana haiwan yang lain, mempunyai kehendak dan matlamat. Ia berjuang mencapai matlamatnya dengan bantuan ilmu dan kesedaran. Bezanya dengan haiwan lain adalah dalam dimensi ilmu, kesedaran dan peringkat matlamat. Inilah yang memberi kelebihan kepada manusia.

Peringkat kehendak dan kebolehan haiwan lain adalah terhad. Pertamanya kerana ia berbentuk fizikal iaitu tidak lebih daripada makan, minum, tidur, bermain, seks dan mempunyai habitat. Haiwan tidak prihatin terhadap keperluan rohani dan nilai moral. Kedua ia bersifat personal dan individu. Ketiga, ia bersifat regional iaitu berkaitan dengan kawasan setempat. Keempat, ia hanya untuk seketika dan bersifat semasa.¹

Tetapi, pengetahuan manusia lebih jauh daripada itu iaitu tidak terhad kepada waktu dan tempat. Kelebihan manusia dari segi matlamat ialah manusia merupakan makhluk yang ideal dan mencari-cari nilai yang biasanya disebut sebagai kemanusiaan. Aspek manusia dalam tamadun iaitu roh tamadun adalah hasil daripada perasaan dan kehendak manusia.²

Menurut Saedah Siraj, dalam penciptaan manusia, terdapat unsur manusia dan unsur haiwan. Unsur manusia dalam diri manusia ialah otak, intelek, kesedaran diri, iman, berkehendak pada kesempurnaan dan ilmu pengetahuan. Manakala, unsur haiwan dalam diri manusia pula ialah hawa nafsu, bermusuhan, suka tinggal di tempat lahir, berkehendak mengukuhkan hubungan dengan melihat faktor pertalian darah, lebih suka menggunakan bahasa dan budaya sendiri serta suka kepada kebendaan.³

4.2 Pandangan Ali Shariati tentang konsep dan peranan manusia

Bagi Ali Shariati, manusia merupakan isu yang sangat penting. Ini dapat diperhatikan daripada tamadun hari ini yang rata-rata berpusat kepada manusia atau bersifat humanisme. Humanisme merupakan agama pada zaman *pasca-renaissance* yang mana ciri utamanya ialah bebas daripada takdir Tuhan. Humanisme ini muncul sebagai reaksi kepada agama Kristian pada zaman Pertengahan.

Menurut Ali Shariati, untuk memahami peranan manusia dalam pelbagai agama, seseorang itu mestilah melihat kepada falsafah penciptaan atau kejadian manusia tersebut. Dan Ali Shariati cuba menjelaskan falsafah kejadian manusia dalam perspektif Islam. Beliau memulakan dengan persoalan, “bagaimana Islam mentafsirkan kejadian manusia? Dengan melihat kejadian Adam a.s. yang merupakan simbol manusia seperti yang termaktub di dalam al-Quran, kita dapat membuat kesimpulan umum tentang status manusia dari pandangan Allah s.w.t. dan juga agama-agama lain. Ini adalah kerana menurut beliau, bahasa al-Quran merupakan bahasa yang simbolik iaitu bahasa yang terbaik yang boleh difahami oleh manusia tetapi maknanya tidak terhenti setakat itu sahaja. Bahasa tersebut sesuai dengan semua lapisan masyarakat dan bersifat pelbagai-dimensi supaya semua generasi dan lapisan masyarakat boleh memahaminya.⁴ Cerita mengenai kejadian Adam telah disampaikan dalam bahasa yang simbolik sehingga selepas 14 abad iaitu di zaman perkembangan sains, cerita tersebut masih sesuai, menarik dan berfaedah untuk dikaji.

Di dalam al-Quran, sebelum Adam diciptakan, Allah s.w.t telah berfirman yang bermaksud “Aku ingin mencipta khalifah di muka bumi”. Ini adalah status manusia menurut perspektif Islam, sedangkan jika kita lihat pada hari ini, *pasca-renaissance* pun tidak mampu menaikkan martabat manusia setinggi ini. Dari ayat ini telah dijelaskan tentang misi manusia iaitu mewakili Allah s.w.t. melakukan perkara yang kreatif di muka bumi. Walaupun malaikat menentang penciptaan Adam dengan menyatakan “Adakah Engkau mahu mencipta makhluk yang bersifat pendendam, melakukan kerosakan dan pertumpahan darah di bumi lagi?” Tetapi Allah s.w.t. menjawab yang bermaksud “Aku

lebih mengetahui tentang apa yang tidak engkau ketahui". Kemudian Allah s.w.t. mencipta manusia. Oleh kerana Allah s.w.t. ingin menjadikan manusia sebagai wakilnya di muka bumi, Dia telah memilih bahan yang sesuai untuk mencipta manusia. Di dalam al-Quran ada menyebut tiga bahan atau perkara yang digunakan untuk mencipta manusia iaitu tanah liat dan tanah lumpur dan kemudiannya Allah s.w.t. meniupkan rohnya ke dalam tanah lumpur yang kering itu, lalu terciptalah manusia. Roh Allah s.w.t merupakan simbol sesuatu yang sangat suci, manakala tanah lumpur pula merupakan simbol sesuatu yang hina dan keji.⁵

Oleh itu, menurut Shariati, manusia yang terdiri daripada tanah lumpur dan roh Allah s.w.t. ini bersifat dua-dimensi. Dimensi pertama ialah ke arah sifat tanah lumpur tersebut iaitu rendah, berkeladak dan tidak mengalir sebaliknya dimensi kedua ialah ke arah sifat roh Allah s.w.t. iaitu tinggi, suci dan mulia. Oleh itu, manusia yang terdiri daripada dua perkara yang bertentangan ini harus membuat keputusan untuk memilih sama ada pergi kepada tanah lumpur atau kepada roh Allah s.w.t. Selagi manusia belum memilih takdir mereka, selagi itulah perjuangannya belum berakhir.⁶

Dalam falsafah kejadian Adam juga, Allah s.w.t. ada menyebut tentang pendidikan dan arahan. Ini berlaku di mana setelah Adam dicipta, Allah s.w.t. mengajarnya dengan pelbagai nama, oleh itu manusia mengetahui nama-nama tersebut. Disebabkan itu, malaikat membantah dengan menyatakan, "kami dijadikan daripada cahaya manakala manusia dijadikan daripada tanah lumpur. Kenapa manusia lebih berkedudukan dan bijak daripada kami?" Lalu Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Aku lebih mengetahui daripada apa yang engkau ketahui dan tunduklah kepada manusia”. Lalu semua malaikat dari pelbagai peringkat tunduk di hadapan manusia. Dan inilah yang dikatakan humanisme oleh Shariati. Manusia hebat di hadapan malaikat kerana pengetahuannya tentang pelbagai nama. Ini menunjukkan kemuliaan manusia berbanding malaikat bergantung kepada ilmu pengetahuannya.⁷

Seperkara lagi tentang falsafah kejadian manusia seperti yang terdapat di dalam al-Quran ialah bilamana Allah s.w.t. memanggil semua makhluk seperti langit, laut, gunung-ganang, haiwan dan lain-lain untuk menerima amanah atau kepercayaan daripadaNya, semua makhluk lain menolak kecuali manusia. Ini adalah satu fakta yang menunjukkan bahawa manusia mempunyai satu lagi kemuliaan iaitu manusia menerima amanah atau kepercayaan yang mana ditolak oleh semua makhluk lain. Dalam erti kata yang lain, manusia mewakili Allah s.w.t. di atas muka bumi ini dan memegang amanah Allah s.w.t. Amanah atau kepercayaan ini diertikan oleh Mawlavi sebagai keinginan dan pilihan. Maksud ini dipersetujui oleh Shariati.

Menurut Shariati lagi satu-satunya kekuatan manusia berbanding makhluk lain di muka bumi ini ialah “keinginan” atau “kehendak” (*will*). Dan hanya manusia sahaja yang boleh melawan sifat semula jadinya dan manusia bebas memilih untuk bertindak secara rasional ataupun tidak. Contoh yang ketara ialah mengenai seorang komander berpangkat tinggi bernama Horr dari tentera Omar-e-sad yang menyerang cucu Rasulullah s.a.w., Husin bin Ali dan pengikut-pengikutnya di Karbala. Pada hari Ashura, Horr telah membuat keputusan yang besar iaitu meninggalkan posisinya dan menyertai Husin lalu

menjadi orang yang pertama terbunuh di pihak Husin. Dia telah memilih kebenaran dan kebebasan serta menolak kebatilan dan perhambaan manusia.⁸

Keinginan dan kebebasan yang ada pada manusia disusuli dengan sifat tanggungjawab. Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang bertanggung-jawab ke atas takdirnya dan juga melaksanakan misi daripada Allah s.w.t. di bumi. Shariati juga percaya bahawa nama-nama yang dipelajari oleh Adam a.s. merujuk kepada fakta saintifik. Ini adalah kerana nama merupakan simbol kepada benda iaitu aspek tertentu bagi pelbagai konsep. Oleh itu, dengan belajar “pelbagai nama”, kita boleh memahami fakta-fakta sains di bumi ini. Setelah diajar oleh Allah s.w.t., manusia (Adam a.s.) berjaya menangkap atau memahami semua perkara di muka bumi, dari sinilah bermulanya tanggung-jawab yang besar di bahu manusia. Jelaslah takdir manusia dibentuk oleh dirinya sendiri.⁹

Mengulas tentang sifat manusia yang multi-dimensi, Shariati menjelaskan Islam tidak seperti agama lain yang menganggap bahawa Tuhan dan Iblis secara semulajadinya berkuasa dan berperang antara satu dengan lain. Islam menegaskan bahawa hanya wujud satu kuasa yang semula jadi iaitu kuasa Allah s.w.t. Peperangan antara Tuhan dan Iblis tersebut hanya wujud dalam diri manusia. Oleh itu, dualisme dalam Islam terdiri daripada penyembahan terhadap dua tuhan (Allah s.w.t. dan iblis) yang terdapat dalam diri manusia, bukannya secara semula jadi. Secara semula jadi, hanya terdapat satu tuhan iaitu Allah s.w.t. Oleh sebab itulah, iblis tidak menentang Allah s.w.t., sebaliknya menentang roh manusia iaitu roh daripada Allah s.w.t. Oleh kerana manusia itu bersifat

dua dimensi iaitu tanah lumpur dan roh Allah s.w.t., ia perlu memenuhi keperluan kedua-dua dimensi tersebut daripada pelbagai sudut seperti ideologi, agama, kehidupan dan tamadun.

Dalam perspektif Islam, manusia bersifat dua-dimensi dan memiliki dua dimensi agama, oleh itu perlulah ada keseimbangan dalam diri manusia dan masyarakat. Inilah maksud Islam menurut Shariati. Untuk memahami Islam, seseorang itu mestilah membiasakan diri dengan kitabnya, nabinya, dan hasilnya yang terbaik.

Bukan sahaja manusia tetapi Tuhan di dalam Islam juga bersifat dua-dimensi. Pertama, bersifat keras, zalim dan menghukum tanpa belas kasihan. Kedua, bersifat baik, permaaf dan berbelas kasihan. Semua sifat-sifat Allah s.w.t. ini terdapat di dalam al-Quran. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. sebagai panduan manusia ini, merangkumi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Di samping itu juga, al-Quran menitik beratkan akhlak dan penyucian rohani.

Nabi Muhammad juga seorang manusia yang mempunyai dua profil atau dimensi. Baginda adalah seorang yang sentiasa berjuang di dalam politik dan ketenteraan kerana matlamat baginda adalah untuk membina masyarakat yang moden dan bertamadun di samping memandu manusia menuju matlamat yang unggul. Walau bagaimanapun, baginda juga merupakan seorang yang alim dan warak.¹⁰

Antara hasil terbaik daripada tarbiyah Rasulullah s.a.w. ialah Ali, Abu Zar dan Salman. Mereka adalah antara golongan sedikit di kalangan manusia yang bersifat dua-dimensi. Mereka menghabiskan masa mereka dengan perjuangan di medan peperangan, persoalan saintifik atau ilmu dan perbincangan. Tujuan mereka adalah untuk memperbaiki masyarakat dan menegakkan keadilan. Abu Zar contohnya, mengatakan bahawa dalam kewujudan yang tiada batasan ini, beliau telah diberi panduan oleh Allah s.w.t. kerana menurutnya intelek, perbincangan dan analisis tidak mampu mencapai zat Allah s.w.t. Di samping keimanannya yang tinggi, Abu Zar juga bercakap tentang kapitalisme atau monopoli harta oleh aristokrat.¹¹

Contoh lain yang agak kontemporari yang disebut oleh Ali Shariati ialah Muhammad Iqbal. Iqbal muncul dengan aliran pemikiran yang selari dengan Islam dan dalam masa yang sama, amat memberi perhatian terhadap dunia dan keperluan material manusia.¹²

Beliau juga menegaskan manusia tidak ditakluki oleh Allah s.w.t., sebaliknya manusia merupakan sebahagian daripada Allah s.w.t., rakan, orang yang memegang amanah atau kepercayaan dan saudaraNya di muka bumi. Allah telah mengajar manusia sehingga semua malaikat tertunduk di hadapannya. Sebab itulah sifat dua-dimensi perlu untuk menjaga manusia agar tidak terlalu keakhiratan atau keduniaan sebaliknya seimbang antara keduanya. Dan hanya agama yang bersifat dua-dimensi sahaja yang mampu merealisasikan tanggungjawab manusia yang besar tersebut iaitu Islam.

4.3 Misi golongan intelektual

Menurut Shariati, sebahagian bangsa di dunia sekarang hidup dalam peringkat pra-sejarah di mana mereka masih belum memasuki zaman sejarah. Berada dalam abad ke 20 berbeza dengan hidup di dalamnya. Oleh itu menurutnya, pertama sekali, kita mesti mengenal pasti abad kita, dan kemudian belajar daripada intelektual Eropah yang hampir kepada idea tentang abad kita. Bagi beliau, masyarakatnya masih hidup dalam abad ke 13 dan 14 iaitu penghujung zaman gelap dan permulaan zaman moden. Di Eropah, zaman tersebut adalah zaman perubahan daripada feudalism dan agama tradisional kepada borjuis yang dikenali dengan visi dunia terbuka, revolusi borjuis dan penentangan terhadap agama. Shariati menyatakan bahawa mereka sedang mengalami semua keadaan tersebut dalam masyarakat. Oleh itu, mereka harus melihat apa yang dilakukan oleh Eropah dalam abad ke 13 dan 14. Iaitu bagaimana golongan intelektual Eropah memainkan peranan mereka dengan baik sehingga mereka boleh mengubah zaman gelap yang beku kepada Eropah baru.¹³

Menurutnya, faktor asas yang membantu membawa tamadun baru di Eropah ialah ekonomi dan intelektual. Secara ekonominya sistem feudal berubah kepada sistem borjuis. Ini disebabkan oleh hubungan antara Timur-Barat, Perang Salib, penemuan Amerika dan Australia, perdagangan, eksplorasi Afrika, Asia, Amerika Latin dan

Amerika Utara. Secara intelektualnya pula, telah berlaku perubahan daripada Katolik kepada Protestant. Golongan intelektual abad ke 14 tidak menafikan agama, mereka mengubah kecenderungan daripada akhirat kepada dunia, daripada kepercayaan roh, sifat semula jadi, etika dan keakhiratan kepada kerja dan usaha, daripada fahaman sufī kepada penolakan dan daripada berpusatkan diri kepada berpusatkan masyarakat. Ringkasnya, kekuatan budaya dan sumber agama dalam hati masyarakat Eropah telah ditukar oleh golongan intelektual kepada kemunculan, pergerakan, kreatif dan kekuatan konsruktif.¹⁴

Oleh itu, bagi Shariati kita mesti bergantung kepada fakta ini daripada apa yang telah dikatakan oleh Sartre, Marx dan Rousseau. Kita mesti bekerja untuk masyarakat di mana kita hidup sekarang bukannya kehendak mental dan kepuasan fizikal kita. Apa yang penting kepada kita ialah tugas yang dimainkan oleh Luther dan Calvin yang telah mengubah etika Katolik kepada kemajuan dan kuasa kreatif.

Golongan intelektual abad ke 14 hingga 17 mendapati bahawa mereka akan mencapai matlamat baru mereka dengan memusnahkan kepercayaan lama mereka dan menukar Katolik tradisional kepada Protestant, berfikiran menakluki dunia, serta berfahaman Protestant dalam politik dan material. Misi ini juga sesuai kepada golongan beragama di Timur yang hidup dalam zaman akhir zaman gelap. Tetapi tidak dengan meniru intelektual Eropah abad ke 19 hingga 20 dan menolak agama. Dalam masyarakat seperti Iran yang berasaskan agama, kita tidak boleh menukar diri kita sebagai golongan kader intelektual yang berkumpul di restoren ekslusif, kelab malam dan parti untuk bercakap banyak dan menunjuk-nunjuk dengan mempamerkan personaliti baru,

sedangkan penduduk majoriti masih hidup dalam zaman gelap, tidak sampai kepada kebolehan, agama, ideologi dan penulisan kita.

Bahaya yang paling besar ialah pemisahan diri oleh golongan intelektual daripada masyarakat. Jika golongan intelektual memisahkan diri daripada masyarakat, walau ke mana pun dia pergi dan apa pun yang dia buat, masyarakatnya akan kekal dalam kerosakan. Contohnya, dalam abad ke 5 dan 6 selepas hijrah, intelektual seperti Ibn Sina dan Al-Ghazali iaitu guru yang hebat, tetapi mati dalam masyarakat yang rosak pada zaman Seljuk dan Ghaznavi. Ini adalah kerana intelektual ini jauh daripada masyarakat. Dan kita memiliki model yang lebih baik daripada Ibn Sina, Al-Ghazali, Fakhr dan Zakaria Razi, iaitu Abu Zar, dengannya semua masyarakat Islam akan selamat daripada cengkaman Seljuk, Ghaznavi dan Mongol.¹⁵

Dalam zaman Greek dahulu, wujud intelektual seperti Atistotle. Tetapi sepanjang zamannya, penduduk Athens menderita dengan penyelewengan, aristokrasi dan perhambaan. Walaupun terdapat beratus penulis dan ahli falsafah tetapi masih tidak dapat mengubah dan menguruskan masyarakat. Kewujudan atau ketiadaan mereka tidak memberi apa-apa perubahan.

Masalah yang berlaku di Timur seperti Iran, ialah kita telah mengikut cara Plato. Contohnya, jika kita pergi ke Iran dan melawat beberapa cafe, kita akan bertemu dengan ramai intelektual, sosialis, eksistensialis dan sebagainya. Mereka mempunyai banyak idea

dan tulisan. Malangnya, kebanyakan penduduk tidak mengetahui siapa mereka ini dan apa yang cuba dilakukan oleh mereka.

Menurut Shariati, dalam menyelesaikan masalah sosial, kita tidak boleh memikirkan jalan pendek, sebaliknya, kita mesti memikirkan cara yang terbaik. Beliau mendapati ramai golongan intelektual yang tidak dapat pergi ke mana-mana disebabkan mereka telah menggunakan pelbagai cara. Dan apabila mereka sedar mereka tidak dapat menyumbangkan sesuatu yang terbaik, mereka merasa terdesak dan menulis puisi moden bagi menyatakan perasaan mereka. Fakta yang cuba dijelaskan oleh Shariati di sini ialah kita mesti memilih jalan terbaik yang boleh membawa kita mencapai objektif.

Shariati cuba menjelaskan bahawa misi intelektual bukan memimpin masyarakat. Salah faham terhadap misi mereka merupakan kesalahan serius yang telah dilakukan oleh golongan intelektual di seluruh dunia. Contohnya, pada tahun 1960 satu persidangan diadakan di Afrika Utara setelah kejayaan revolusi Afrika Utara dan kemerdekaan Afrika, salah satu perkara penting yang telah diputuskan dalam persidangan tersebut ialah posisi kepimpinan seperti menteri pendidikan, ekonomi, dan lain-lain perlu diserahkan kepada golongan intelektual bukan kepada golongan revolucioner dan gerila. Golongan intelektual yang dimaksudkan ialah mereka yang mendapat sarjana kedoktoran dari Barat, sedangkan golongan revolucioner pula adalah mereka yang bermatian berjuang untuk membebaskan negara. Ini bermakna golongan revolucioner perlu meninggalkan senjata mereka dan membuat hal masing-masing, manakala jurutera dan doktor yang baru pulang dari luar negara perlu memimpin negara. Malangnya, apa yang berlaku ialah

masyarakat tersebut yang telah berjaya dalam revolusi menjadi konservatif dan rosak apabila golongan intelektual dan berpendidikan mengambil kepimpinan daripada golongan revolucioner. Oleh itu, kesimpulan yang dibuat oleh Shariati ialah golongan intelektual tidak bertugas untuk memimpin masyarakat, sebaliknya hanya bertugas menyedarkan masyarakat. Jika golongan intelektual boleh membangkitkan masyarakat, hasil atau produk daripada misi mereka yang akan menjadi wira yang bakal memimpin mereka. Selagi tiada wira, misi golongan intelektual belum berakhir. Agama, seni, cara berkomunikasi dengan masyarakat, puisi dan teater merupakan faktor penting yang membantu kerja golongan intelektual.

Misi sebenar golongan intelektual ialah mengembalikan masyarakat yang telah diasingkan daripada budaya sendiri oleh budaya Eropah kepada budaya, ciri-ciri, perasaan, kesedaran, kepercayaan dan sejarah bangsa asalnya. Untuk mencapai misi ini, jalan terbaik perlu dipilih.¹⁶

Golongan intelektual perlu berkorban lebih dan mengharap sedikit. Shariati berharap agar dua atau tiga generasi perlu bekerja keras dahulu sebelum mendapat hasilnya. Menurutnya, jika kita mencapai matlamat dalam tempoh 10 tahun, kita akan jatuh sebelum seratus tahun. Itulah yang berlaku di Afrika iaitu mencapai objektif dan jatuh dengan cepat. Inilah yang disebut Shariati sebagai revolusi “cepat” dan tidak matang.

Shariati meringkaskan bahawa golongan intelektual membawa misi nabi iaitu membawa konflik masyarakat ke dalam perasaan dan kesedaran ahli-ahli masyarakat dan mereka perlu mendapatkan material daripada masyarakat mereka ketika itu. Oleh itu, tiada kesejagatan pada golongan intelektual. Dengan keunikan pandangan alam dan kesedaran mereka, mereka boleh memainkan peranan yang paling efektif serta boleh bertahan lama dalam mendidik dan menggerakkan orang awam dalam masyarakatnya.

4.4 Peranan golongan intelektual dalam membangunkan tamadun

Ali Shariati telah melontarkan satu persoalan iaitu “Di mana kita harus mulakan? (*Where shall we begin?*)”. Baginya, persoalan tentang di mana kita harus mulakan adalah perkara yang berkaitan dengan strategi sosial, bukan berkaitan dengan ideologi. Oleh itu, beliau cuba menjawab persoalan ini dengan memberi perhatian tentang strategi apa yang perlu seseorang itu lakukan dalam masyarakatnya dalam waktu yang tertentu bagi mencapai objektif masyarakat serta menjaga nilai budaya, intelektual dan sosial masyarakatnya yang mendapat serangan hebat daripada anasir luaran.¹⁷

Menurut beliau, masalah serius yang melanda masyarakat tradisional secara umumnya dan khususnya masyarakat Islam ialah kurangnya komunikasi serta perbezaan pandangan antara golongan massa dan golongan terpelajar. Semasa zaman awal masyarakat Islam, tidak terdapat jurang perbezaan yang besar antara golongan intelektual dan golongan massa di mana golongan massa merasa selesa mengadu dan berbincang tentang keperluan mereka, masalah-masalah peribadi dan keluarga mereka kepada

golongan intelektual. Malangnya, dalam sistem budaya dan pendidikan moden kini, golongan muda dididik dan dilatih di dalam benteng atau kubu yang kuat dan kebal. Apabila mereka cuba masuk semula ke dalam masyarakat, mereka ditempatkan dalam pekerjaan dan jawatan yang terpisah sepenuhnya dari masyarakat mereka. Jadi, golongan intelektual ini meneruskan hidup yang terasing daripada masyarakat dan tidak memahami keperluan masyarakatnya.¹⁸

Oleh itu, tanggung-jawab besar bagi seseorang yang mahu membina masyarakatnya ialah dengan membina jambatan atau merapatkan semula jurang antara golongan intelektual dan golongan massa. Inilah menurut Shariati sebagai langkah pertama yang harus dilakukan.

Di sebalik soalan “Di mana harus kita mulakan?” wujud soalan-soalan tersirat seperti “Siapa yang harus mulakan (*Who should begin?*)?” dan “Untuk tujuan apa (*For what purpose?*)?” yang secara tidak langsung telahpun terjawab. Jelas bahawa persolan di mana harus kita mulakan timbul dalam fikiran mereka yang ada rasa tanggung jawab terhadap masyarakat zamannya dan berniat untuk melakukan sesuatu. Dan tidak syak lagi mereka ini adalah golongan yang ada kesedaran (*enlightened people*) atau yang disebut sebagai golongan intelektual.¹⁹

Shariati mengingatkan bahawa golongan intelektual tidak bermaksud golongan yang ada ijazah. Kesedaran (*enlightened*) yang dimiliki oleh golongan intelektual tidak bermakna ilmuwan atau bijak pandai (*intellectual*). Bukan semua golongan ilmuwan ada

kesedaran dan begitu juga sebaliknya. Beliau memberi contoh, Sattar Khan yang ada kesedaran tetapi bukan seorang ilmuwan, Allamah Muhammad Qazvini pula adalah seorang ilmuwan tetapi tidak memiliki kesedaran, manakala Ali Akbar mempunyai kedua-duanya sekali iaitu ilmu dan kesedaran.

Shariati juga mengulas tentang siapa yang dikatakan intelektual. Mereka adalah orang yang sedar akan keadaan manusia pada zamannya, sejarah serta persekitaran sosial yang ada dan dari kesedaran ini lahirlah perasaan tanggung jawab sosial dalam diri mereka. Ketika zaman moden, apabila masyarakat semakin maju dan sampai ke tahap statik, dan apabila negara-negara membangun bertungkus-lumus mengejar kemajuan, golongan intelektual muncul untuk melahirkan kesedaran dan tanggung jawab serta menunjuk arah dan panduan kepada golongan massa.

Pada dasarnya, tanggungjawab dan peranan golongan ini meyerupai para nabi dan pemimpin revolusi yang membawa perubahan pada masa lampau. Para nabi selalunya muncul dari kalangan massa dan boleh berkomunikasi dengan orang awam untuk memperkenalkan motto dan visi baru, memulakan gerakan baru serta melahirkan tenaga-tenaga baru dalam masyarakat setempat dan sezamannya. Para nabi bukan dari kategori ahli falsafah, ahli sains, juru teknik atau pelukis tetapi para nabi juga bukan dari kalangan orang yang tidak mempunyai kesedaran. Sebaliknya para nabi mempunyai kategorinya sendiri. Sama seperti para nabi, golongan intelektual ini bukan dari kategori ahli sains atau ilmuwan tetapi mereka juga bukan golongan awan yang beku dan statik.²⁰

Setelah terjawab persoalan siapa yang harus mulakan, Shariati meyambung dengan persoalan “Untuk tujuan apa?” Walaupun bukan nabi, golongan intelektual ini perlu memainkan peranan nabi dalam masyarakatnya. Dia patut menyedarkan serta meyelamatkan masyarakat, memperjuangkan kebebasan, menyalakan api keimanan serta menunjuk arah masyarakatnya yang beku. Ini tidak dapat dilakukan oleh ahli sains. Ahli sains membantu manusia menjadi diri mereka yang lebih baik. Golongan intelektual mengajar masyarakatnya bagaimana untuk berubah dan ke arah mana. Ahli sains menemui fakta, manakala golongan intelektual mengenal pasti kebenaran. Ahli sains menyediakan keselesaan kepada golongan yang menindas dan tertindas manakala golongan intelektual menentang kezaliman dan kegelapan.

Menurut Shariati lagi, golongan intelektual perlu menjalankan kewajipannya dengan penuh hikmah. Perkataan “hikmah” (*wisdom*) yang digunakan di dalam Al-Quran juga mempunyai makna yang sama dengan kesedaran. Di samping perkataan “hikmah”, perkataan “ilm” juga tidak merujuk secara khusus sama ada kepada ilmu agama atau ilmu sekular, sebaliknya himpunan semua bidang-bidang khusus ilmu yang terdapat dalam sistem pendidikan hari ini. Cuma ilmu agama dan sekular ini boleh membantu golongan intelektual ini sebagai alat untuk mencapai tujuan mereka. Ilmu yang dititikberatkan dalam Islam ialah kesedaran tentang keunikan manusia, ilmu ketuhanan dan sumber kesedaran tentang masyarakat. Terdapat pepatah yang terkenal berhubung perkara ini iaitu, “Ilmu adalah cahaya Allah yang menyinari ke dalam hati sesiapa yang dikehendakiNya”. Dan inilah yang dikatakan cahaya Ilahi (*divine light*). Inilah yang

dimiliki oleh orang yang tidak terpelajar seperti Abu Zar tetapi tidak dimiliki oleh ilmuwan seperti Ibn Sina dan Molla Sadra.²¹

Seterusnya ialah persoalan tentang “bagaimana”. Sebelum itu, penerangan penting mestilah teratur kerana definisi yang kurang tepat bagi “intelektual” berserta kekeliruan tentang tanggungjawab yang perlu dimainkan, menyebabkan ia boleh diaplikasikan secara umum. Perlu diketahui bahawa tidak akan wujud golongan intelektual yang serupa dengan persamaan nilai dan kriteria melainkan wujudnya manusia yang sejagat. Namun, manusia masih jauh lagi dengan bumi yang mempunyai satu masyarakat manusia yang mempunyai satu bahasa, kebudayaan, keunggulan dan permasalahan. Dalam erti kata yang lain, ahli sains yang sejagat memang wujud dengan kriteria dan nilai yang tertentu, tetapi tidak wujud golongan intelektual yang sejagat serta mempunyai sifat yang sama. Contohnya, setelah mempelajari kejuruteraan, perubatan, astronomi dan lain-lain seseorang itu bergelar ahli sains tanpa mengira sama ada beliau dari Afrika atau Amerika, beragama Islam atau Buddha, berkulit putih atau hitam, seorang kapitalis atau sosialis, daripada golongan atasan atau bawahan dan dari mana-mana latar-belakang kehidupan. Ini adalah kerana sains adalah berdasarkan undang-undang yang umum, yang melibatkan manusia ataupun alam dan sesiapa yang mempelajarinya boleh menggunakan dalam mana-mana situasi. Ianya berbeza dengan golongan intelektual.

Seseorang itu mungkin merupakan golongan intelektual dalam masyarakat kulit hitam di Afrika, namun orang yang sama tidak sedemikian dalam masyarakat Islam. Atau seseorang itu mungkin intelektual di Perancis iaitu zaman selepas revolusi industri tetapi

orang yang sama tidak intelektual dan tidak dapat memainkan peranannya di India. Contohnya, dalam zaman industri dan sistem kapitalis yang telah menyimpang jauh dari agama, Sartre boleh dianggap sebagai golongan intelektual dalam zamannya. Tetapi di Asia, Afrika atau Amerika Latin di mana fokus utama rakyat ialah menentang kemiskinan, kelaparan, kezaliman di samping memerlukan perindustrian, orang seperti Sartre hanya akan membawa bencana kepada mereka.²²

Secara ringkasnya, golongan intelektual adalah amat berkait rapat dengan masa, tempat, persekitaran sosial dan latar belakang sejarahnya. Contohnya, Nabi Muhammad s.a.w. dalam menggariskan tugasnya, baginda mencipta kaedah-kaedah sosial revolusioner di samping tradisi-tradisi yang telah berakar-umbi dalam masyarakatnya agar program reformasinya yang revolusioner tersebut berjalan selari dengan karektor masyarakatnya. Dengan ini, tradisi yang sudah turun-temurun dipertahankan, namun ikatan kesukuan telah diganti dengan ikatan *aqidah*.²³

Negara Dunia Ketiga, khususnya masyarakat Islam telah menyimpang jauh akibat golongan yang dikatakan sebagai intelektual ini. Perkembangan yang tidak baik menurut Shariati sebagai isu yang mengelirukan melanda masyarakat Islam yang berpendidikan ibarat seorang ahli sains yang mengimport perubatan ke negaranya. Mereka percaya bahawa kesedaran boleh diimport ke negara mereka dan pada masa yang sama, mereka memainkan peranan sebagai golongan intelektual. Bertahun lamanya, perasaan, suara hati dan pemikiran masyarakat telah dibawa oleh golongan yang didakwa sebagai intelektual ini yang menyampaikan mesej yang salah tetapi mereka fikir bahawa mereka menunjuk

jalan untuk selamat. Jadi, potensi masyarakat telah disia-siakan oleh golongan ini. Akhirnya, masyarakat tetap juga menderita. Contohnya, *Peter the Great*. Beliau belajar di Netherlands dan pulang semula ke Moscow untuk membuat kebajikan terhadap masyarakatnya. Beliau merupakan seorang intelektual yang berada di jalan yang salah. Rusia adalah negara yang mundur dan sentiasa diserang oleh negara-negara jiran. *Peter the Great* menyoal dirinya tentang mengapa Netherlands boleh mentadbir bumi dan lautan sedangkan Rusia mundur. Setelah lama berfikir, beliau mendapati sebab utamanya ialah janggut. Apabila beliau mengambil alih kerajaan, beliau memerintahkan semua rakyat mencukur janggut atas alasan rakyat Netherlands maju kerana mereka mencukur janggut setiap hari. Rakyat Rusia kelihatan seperti rakyat Netherlands tetapi tiada perubahan asas yang berlaku. Janggut telah pergi tetapi ia tidak membawa Rusia walau setapak pun ke hadapan.²⁴

Di Iran juga timbul masalah yang sama. Ramai pemikir dan penulis berpendapat bahawa kemunduran Asia disebabkan kurangnya ko-kurikulum. Di samping itu, mereka menggalakkan sekolah yang bercampur antara pelajar lelaki dan perempuan, kelab-kelab dan organisasi-organisasi di mana lelaki dan wanita boleh berinteraksi dengan bebas. Walau bagaimanapun, telah terbukti bahawa di negara Afrika dan Asia, terdapatnya kebebasan dalam pergaulan tetapi masalah sosial masih tidak dapat diselesaikan. Satu lagi contoh ialah berkaitan dengan huruf Parsi. Dalam tahun 1941-1953, segolongan yang berpendidikan mendakwa bahawa Iran mundur disebabkan oleh huruf Parsi di mana ejaan perkataan tertentu mengelirukan. Dan golongan berpendidikan telah mensia-siakan masa dan tenaga untuk menyelesaikan perkara yang salah. Jika huruf merupakan punca

utama kemunduran sesebuah tamadun, Jepun dan China merupakan negara yang paling mundur di dunia. Sebahagian intelektual pula mengatakan jika huruf bukan punca utama sekali pun, setidak-tidaknya ia merupakan punca buta huruf di kalangan rakyat Iran. Ada golongan yang lain pula menganggap tradisi membakar buku di Iran yang merupakan punca utama kemundurun Iran. Menurut Shariati, beliau tidaklah menyokong tradisi Iran sepenuhnya, tetapi beliau mahukan masyarakat Iran tidak lalai dengan masalah yang sebenar. Peluang dan kebolehan rakyat telah disia-siakan dengan menyokong atau menentang pembakaran buku, sedangkan jenayah sebenar masih berlaku dengan aman dan selamat.²⁵

Shariati juga menegaskan bahawa kenyataan yang betul dan sah diutarakan pada masa dan yang tidak sesuai akan sia-sia. Contohnya kritikan Kasravi terhadap Imam Jaafar Sadiq pada tahun 1949. Ini hanya memburukkan lagi keadaan Iran. Begitu juga dengan nasionalisme yang hanya merupakan pisau yang memecah-belahkan rakyat Afrika untuk menentang penjajahan. Di Algeria dalam tahun 1950an, penjajah mempropagandakan tokoh-tokoh seperti Rousseau, Voltaire dan Morris Dubare yang bersifat saintik dan nasionalis. Nasionalisme iaitu setiap bangsa harus mempunyai negeri sendiri telah memecahkan Arab dan Beber yang sebelum ini bersatu dengan di bawah kepercayaan Islam yang akhirnya menjadi mangsa kepada penjajah Perancis. Secara ringkasnya, apabila menggunakan sesuatu teori sosial, sebelum menilai sumbangaan positif dan negatifnya, seseorang itu harus memahami keadaan dan akibat daripada penggunaan teori tersebut. Taktik yang digunakan oleh Barat terhadap Afrika, Amerika

Latin dan negara-negara Islam di Timur ialah mengelirukan mereka tentang agama, nasionalisme dan humanisme.²⁶

Humanisme digunakan oleh kuasa dunia untuk menguasai matlamat bangsa lain bagi membina hubungan luar antara penjajah dan orang yang dijajah. Ia bertujuan mengurangkan permusuhan sebaliknya mewujudkan keamanan antara keduanya. Merujuk kepada bangsa tertentu pula, bila digunakan di tempat yang salah, nasionalisme seolah-olah menyamar untuk membina pertalian darah dan hubungan yang palsu. Dalam perkara kepercayaan agama pula, agama juga boleh mewujudkan hubungan palsu antara pengeksploitasi dan orang yang dieksplorasikan. Orang yang sepatutnya musuh dirapatkan dengan alasan persaudaraan agama.²⁷

Menurut Shariati peranan yang perlu dimainkan oleh golongan intelektual ialah pertamanya mengenal pasti sebab sebenar kemunduran masyarakatnya. Kedua, beliau harus mendidik masyarakatnya yang lalai tentang sebab asas yang mengancam sejarah dan matlamat masyarakat. Ketiga, berdasarkan kepada sumber-sumber tersebut, tanggung jawab, keperluan dan penderitaan masyarakat, dia harus mengenal pasti penyelesaian yang rasional yang boleh membebaskan masyarakat daripada status quo. Keempat, golongan intelektual perlu mencari kaitan antara kesedihan, penyakit masyarakat, ketidak-normalan dan pelbagai masalah dalaman masyarakat dengan faktor luaran. Kelima, golongan intelektual harus menyampaikan kefahaman ini keluar daripada kumpulannya kepada masyarakat keseluruhannya. Ringkasnya mereka memberi panduan dan memperjuangkan keadilan. Bahasa yang digunakan mestilah sesuai dengan zaman

mereka dan mereka mencadangkan penyelesaian yang sesuai dengan kebudayaan setempat.²⁸

Oleh itu, menurut Shariati, persoalan “di mana harus kita mulakan?” perlu diubahsuai kepada persoalan “di mana kita harus mulakan dalam masyarakat kita?” Apabila keadaan sejarah dan kebudayaan masyarakat difahami, kedua-dua golongan iaitu golongan intelektual dan golongan awam akan mengetahui akan tanggungjawab dan tugas mereka.

Golongan intelektual juga perlu tahu tentang taksonomi kebudayaan mereka iaitu semangat yang lazimnya mentadbir ilmu, karektor, perasaan, tradisi, pandangan dan keunggulan ahli masyarakat. Untuk mengetahui kebudayaan sesebuah masyarakat, kita mestilah mengetahui kebenaran, sensitiviti dan perasaan dalaman masyarakat. Contohnya, seseorang itu tidak boleh mengganggap dirinya pakar dalam sosiologi India tanpa mengetahui Buddhisme dan Hinduisme. Begitu jugalah seseorang tidak boleh mengaku sebagai intelektual tanpa mengetahui dengan mendalam suara hati ahli masyarakatnya. Oleh kerana itulah Gandhi yang mengetahui pemikiran dan suara hati masyarakatnya mampu membawa masyarakatnya ke arah yang lebih baik berbanding dengan orang lain.

Oleh itu, bagi sejarawan dan ahli falsafah tidak menjadi salah melihat semua agama mempunyai peranan yang sama, tetapi tidak bagi golongan intelektual. Mereka harus mengenal pasti jenis masyarakat yang mereka hidup, memahami ahli-ahlinya dan

dalam masa yang sama menghargai latar belakang sejarahnya. Golongan intelektual dalam dunia Islam boleh melakukan kesilapan besar terhadap masyarakat dengan menganggap perasaan beragama yang wujud di kalangan massa sebagai punca mala petaka, lalu melawannya. Mereka akan mungkin mengajak masyarakatnya menerima ideologi yang setaraf dengan masyarakat industri Jerman abad ke 19, seterusnya memainkan peranan yang salah dalam masyarakatnya. Golongan intelektual ini akan menakutkan massa dengan mengasingkan mereka daripada golongan berpendidikan, yang mana akan memaksa mereka bertindak menjauhkan diri daripada golongan intelektual yang anti-agama. Inilah punca utama yang menyebabkan kerenggangan golongan intelektual dengan massa dalam masyarakat Islam. Golongan intelektual tidak mempunyai tempat di kalangan massa dan tidak boleh berkomunikasi dengan mereka seolah-olah mereka tidak berkongsi bahasa dan kebudayaan yang sama.²⁹

Golongan intelektual perlu prihatin terhadap tindakan melencong yang selalunya menentang massa dan cuba mencapai tujuan mereka dengan mengeksplorasi massa, iaitu golongan yang menggunakan agama sebagai senjata yang efektif untuk mengubah perasaan dan perhatian massa daripada isu semasa dan membuatkan mereka memikirkan tentang masalah lampau sahaja. Golongan melencong ini mengubah perhatian massa daripada isu semasa serta masalah material, dan dengan menggunakan nama agama, mereka membuatkan massa terikat dengan kehidupan selepas mati serta isu yang abstrak dan subjektif. Oleh itu, Muslim dihalang daripada memperjuangkan keselesaan, kemewahan, kebebasan hidup, sebaliknya pemikiran mereka hanya berfokus kepada hari akhirat. Oleh itu, agama telah diputar-belitkan.

Tragedi yang berlaku di Iran ialah mereka yang menguasai agama semenjak dua kurun yang lalu memindahkannya dalam bentuk yang statik, manakala golongan intelektual yang faham akan zaman ini iaitu tentang keperluan generasi dan masa pula, tidak memahami agama. Oleh itu, masyarakat Islam yang kaya dengan budaya dan sejarah yang boleh membebaskan dirinya, tidak dapat memperoleh kesedaran agama yang perlu untuk meyelematkannya. Golongan intelektual menentang Islam hasil dari reaksi golongan massa dan memaksimumkan kepentingan mereka. Sedangkan Islam yang sebenar kekal tidak diketahui dan terpendam dalam sejarah. Massa tetap terkubur dalam kebekuan dan tradisi yang ketat sementara golongan intelektual terpisah daripada masyarakat dan tidak disukai oleh mereka.³⁰

Golongan intelektual Barat dan Timur mengetahui tentang prinsip Katolik, Buddhisme, Hinduisme dan Taoisme adalah aliran pemikiran yang bersifat individu yang memesongkan perasaan manusia daripada kehidupan dengan objektif kepada kehidupan selepas mati. Apa yang tidak mereka nampak, ialah interpretasi yang unik tentang Islam iaitu bercanggah dengan semua aliran pemikiran tersebut.

Golongan intelektual yang melihat keadaan Muslim serupa dengan Kristian dalam zaman gelap akan melakukan kesilapan dengan memerangi Islam. Golongan intelektual Kristian dalam abad ke16 hingga 18 mengenal pasti bahawa gereja telah mengabaikan elemen pembangunan dan kemajuan dalam agama mereka, sebaliknya menggalakkan kepercayaan kepada tuhan yang satu dan peribadatan. Oleh itu, untuk membuat

perubahan, golongan intelektual Protestan menyedarkan semula elemen kebangkitan dan motivasi dalam agama mereka. Semua ini tidak berlaku dalam Islam. Islam tidak pernah mengabaikan elemen-elemen kemajuan, kebangkitan dan motivasi. Dengan jelasnya, dua slogan iaitu “darah dan pedang” serta “kepimpinan dan keadilan” yang merupakan dimensi penggerak kemajuan dan kesedaran telah diterima sebagai intipati yang simbolik bagi pengikut Syiah. Kedua-dua slogan ini kekal dalam sejarah Islam. Sesungguhnya, semua aspek ideologi dan budaya Islam selari dengan pemberontakan Husin. Kesyahidannya diperingati setiap tahun. Dalam aspek yang lain Nabi Muhammad dan pemimpin Islam yang lain selalu mengajak manusia berjihad. Namun, realitinya seseorang melihatnya dengan kesan yang sedikit kerana walaupun slogan tersebut sah dan tulen, interpretasinya negatif. Bentuknya dipelihara tetapi kandungannya telah diputarbelitkan. Untuk memastikan Karbala tidak dilupakan, pedang digunakan untuk melukakan diri semasa hari sedih dan berkabung tersebut.³¹

Golongan intelektual tidak sepatutnya mudah tertipu. Dia patut sedar akan fakta bahawa dia memiliki budaya yang unik yang tidak terlalu bersifat kerohanian seperti budaya India, tidak terlalu bersifat falsafah seperti budaya Greek dan tidak terlalu bersifat kebendaan seperti budaya Barat. Islam adalah campuran daripada keimanan, idealogi, kerohanian, dan penuh dengan kehidupan yang selari dengan persamaan dan keadilan. Oleh itu, daripada menjadi ejen Barat dengan menggunakan cara Barat yang tidak sesuai dengan massa, golongan intelektual Muslim perlu memperolehi dan menapis kekuatan spiritual dan fizikal masyarakatnya. Mereka harus wujud dalam konteks budaya dan masyarakat yang dinamik dan memahami suara hati masyarakatnya.

Tidak seperti agama lain, Islam menentang kemiskinan sepetimana kata Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud “Sesiapa yang tidak mampu menyediakan keperluan hidupnya, tidak akan mendapat kehidupan yang baik di akhirat kelak”. Abu Zar juga ada berkata yang bermaksud “Bila kemiskinan memasuki rumah, agama keluar megikut tingkap rumah tersebut. Oleh itu, masyarakat yang menghadapi masalah ekonomi juga akan miskin dari segi rohani. Prinsip persamaan dalam Islam juga boleh dilihat daripada contoh Ali bin Abi Talib. Apabila Ali memegang kuasa, beliau memerintahkan supaya skala gaji dibatalkan, sebaliknya semua pekerja sama ada berpangkat tinggi atau rendah mendapat gaji yang sama. Prinsip keadilan bukanlah satu prinsip agama yang mudah, sebaliknya ia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan dalam Islam dan merupakan antara objektif utama kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.. Setiap golongan intelektual perlu mengetahui apakah peranan sosial dalam agamanya. Ini sangat penting kerana kesilapan golongan intelektual tidak sama dengan kesilapan penulis buku. Ia adalah kesalahan pemimpin masyarakat, penyelamat masyarakat serta waris nabi dalam Islam dan nabi-nabi yang sejarah manusia.

Oleh itu, untuk membebaskan dan memandu manusia, golongan intelektual harus mulakan dengan “agama”. Agama yang dimaksudkan ialah khusus kepada budaya agama. Mereka harus mulakan perkara yang sama seperti Kristian Protestant. Namun tidak seperti Kristian Protestant yang hanya dengan tangan kosong, Islam Protestan mempunyai banyak sumber dan elemen. Gerakan sebegini membolehkan golongan intelektual untuk pertamanya, mengambil dan menapis sumber dari masyarakat serta

menjadi ejen penggerak masyarakat. Kedua, menyedarkan masyarakat tentang konflik kelas masyarakat. Ketiga, merapatkan jurang antara golongan intelektual dengan massa dengan mengukuhkan kefahaman antara keduannya serta meletakkan agama untuk menjana gerakan. Keempat, menjadikan senjata agama tidak dapat digunakan oleh orang yang tidak berkelayakan dan mereka yang menggunakan agama untuk tujuan peribadi. Kelima, melancarkan kelahiran semula agama dengan kembali kepada agama kehidupan dan gerakan, kekuasaan dan keadilan untuk menghadapi serangan hebat daripada budaya Barat. Keenam, membuang semangat meniru dan patuh dengan membuta-tuli lalu menggantikannya dengan revolusi yang kritikal dan semangat agresif bagi kebebasan membuat keputusan iaitu ijтиhad.³²

4.5 Peranan wanita dalam tamadun islam

Ali Shariati mencadangkan sesuatu yang praktikal tentang hak wanita, personaliti wanita dan pandangan Islam terhadap wanita. Sepanjang sejarah, masalah hak dan peranan wanita dianggap sebagai persoalan intelektual. Oleh itu, pelbagai agama, falsafah dan sistem sosial telah memberi pandangan tentang persoalan ini. Dalam abad ke 18 hingga 20, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, masalah hak sosial wanita dilihat hanya sebagai produk spiritual atau akibat daripada krisis revolusi atau sebagai tindak balas kepada politik semasa gerakan internasional. Oleh itu, masyarakat tradisional, sejarah masyarakat, masyarakat agama sama ada di Timur atau Barat telah dipengaruhi oleh pemikiran, intelektual semasa dan realiti masyarakat baru tersebut.³³

Amat malang sekali kerana krisis masalah kebebasan wanita bermula di Barat dan diperkuatkan oleh kuasa yang memerintah pada abad ke 20 lalu telah mempengaruhi semua masyarakat manusia termasuklah masyarakat yang sangat tradisional dan tertutup serta masyarakat yang beragama. Sehinggakan ramai daripada golongan intelektual palsu dan masyarakat kelas moden sama ada Islam atau bukan Islam di Timur menganggap cara kehidupan dan pemikiran moden merupakan simbol tamadun moden, kemajuan dan keprihatinan. Hanya sebilangan kecil masyarakat sahaja yang mampu menangkis serangan kemodenan Barat dan memilih cara kehidupan (*lifestyle*) mereka sendiri.

Satu daripada alat yang telah direka dari segi pandangan intelektual, sosial, ekonomi, dan moral ialah seksualisme Freud. Di samping itu, ada satu lagi kumpulan yang bekerjasama untuk mencapai matlamat mereka iaitu menarik generasi muda terutamanya wanita kepada Freudianisme atau seks. Kumpulan ini bergerak dengan cara menyerang idea Freud dan menyarankan cara tradisional, tegas, tradisi yang tidak logik dan tidak bersifat kemanusiaan dengan tujuan supaya generasi muda terutamanya wanita merasa tertekan dan bersikap pesimis. Dalam keadaan Freud mengajak wanita keluar dari rumah, kumpulan tradisional ini memaksa wanita duduk di dalam rumah dengan menghalang hak-hak mereka, di mana secara tidak langsung, menggalakkan mereka menerima Freudianisme. Statistik menunjukkan ajakan kepada Freudianisme sangat berjaya dalam masyarakat yang tradisional dan negara-negara di mana kebebasan wanita disekat. Oleh itu, jalan yang terbaik ialah mengembalikan semula hak kemanusiaan dalam Islam kepada wanita.³⁴

Menurut Shariati senjata yang paling efektif untuk menentang nilai-nilai Barat serta faktor yang paling penting untuk mencetuskan kesedaran perjuangan ke dalam generasi baru dalam masyarakat Islam ialah dengan mengambil contoh model yang mulia, ciri-ciri yang baik daripada personaliti-personaliti sebenar dalam sejarah Islam. Jika kehidupan personaliti-personaliti tersebut diketahui dengan jelas, diterangkan dengan tepat, dikaji dan diperkenalkan dengan cara yang betul secara saintifik, lalu disampaikan kepada masyarakat, generasi muda akan merasakan tidak perlunya mereka menerima godaan Barat. Perlu diberi perhatian bahawa semua perkara yang berkaitan dengan wanita, sains, cara kehidupan (*lifestyle*), hubungan kelas, kefahaman sarjana, pandangan alam individu, semuanya telah dibentuk, diterangkan dan dibincangkan dalam Islam.

Dalam pandangan semua intelektual dari semua negara Islam, ahli keluarga Rasulullah (s.a.w.) merupakan manifestasi dalam mengangkat dan membebaskan kemanusiaan dan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai ini tidak terhad kepada bangsa tertentu atau hanya kepada orang Islam sahaja. Sebaliknya semua manusia dalam dunia ini boleh melihat dan memahami dengan mudah simbol-simbol dan contoh-contoh yang diambil daripada rumah kecil tersebut yang mana lebih hebat daripada semua sejarah yang ada.³⁵

4.5.1 Penghormatan yang dianugerahkan kepada wanita

Allah s.w.t. telah memilih seorang manusia sebagai yang termulia antara mereka iaitu, seorang perempuan, hamba dan berkulit hitam. Walaupun dikira sebagai terhina dan

terlebih di antara makluk-maklukNya, Allah s.w.t. memberikan tempat yang sangat istimewa di sisiNya iaitu sebuah ruangan di dalam rumahNya. Allah telah datang ke rumah Hajar, menjadi tetangganya dan menepati ruangan yang sama dengan Hajar iaitu Ka'abah. Seluruh umat Islam sentiasa akan bertawaf mengelilinginya. Itulah pengangkatan “pahlawan yang tidak dikenal” di dalam masyarakat Muslim”.³⁶

Seorang lagi wanita yang telah diberi penghormatan yang besar di dalam Islam ialah Fatimah iaitu puteri keempat Nabi Muhammad s.a.w. Ia anak perempuan yang dilahirkan dalam suatu masyarakat di mana ayah mahupun keluarga memberikan nilai khusus kepada anak lelaki. Masyarakat suku Arab memberikan seluruh nilai manusiawi kepada seorang anak lelaki, sementara anak perempuan dipandang sebagai tidak mempunyai kebijakan dan kesejadian seorang manusia. Dalam keadaan inilah, suatu rencana dijalankan. Dua orang terpilih untuk melaksanakan rencana ini, seorang ayah dan anak perempuan. Muhammad (si ayah) harus membawa muatan berat itu dan Fatimah (si anak) mencerminkan dalam dirinya nilai-nilai revolusioner yang baru diciptakan itu.³⁷ Fatimah, seorang gadis, menggantikan seorang anak lelaki sebagai ahli waris dari kejayaan keluarganya, memelihara nilai-nilai kehormatan dari nenek moyang mereka, keturunan dan kredibiliti keluarga.³⁸

Kemuliaan Siti Fatimah r.a. telah diringkaskan oleh K.H. Abdullah bin Nuh sebagai berikut:³⁹

- 1) Rasulullah s.a.w. telah menegaskan bahawa Allah s.w.t. murka jika Fatimah r.a. marah, dan Allah ridha jika Fatimah ridha.

- 2) Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa Fatimah adalah sebahagian daripada beliau.
- 3) Fatimah adalah wanita di dunia yang paling dicintai dan dikasihi oleh Rasulullah s.a.w.
- 4) Fatimah adalah wanita yang perkataannya paling dapat dipercaya.
- 5) Fatimah adalah wanita suci yang tidak pernah haid.
- 6) Fatimah bersama keturunanya terjamin tidak akan masuk neraka.
- 7) Allah s.w.t. menghendakinya menjadi wadah suci yang melahirkan keturunan suci.

4.5.2 Fatimah Az-Zahra binti Muhammad s.a.w.

Bagi Shariati, adalah merupakan tanggung jawabnya untuk memperkenalkan keluarga Nabi, menyiarkankan agama dan kajian tentang kebenaran-kebenaran Islam yang gagal dilakukan oleh lembaga agama.⁴⁰

Menurutnya, apabila kita menerangkan biografi Fatimah selaku salah seorang daripada ahli keluarga Rasulullah (s.a.w.), kita mesti belajar daripada personaliti, peranan, status sosial, mental dan politiknya dan menggunakan sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat kita. Masalah memahami dengan betul merupakan masalah utama dalam masyarakat Islam. Oleh itu, kefahaman yang betul tentang Fatimah merupakan kunci kepada keselamatan.⁴¹

Wajah Fatimah Az-Zahra adalah wajah wanita yang wujud, bercakap, hidup, memainkan peranan dalam masjid, masyarakat, di rumah mendidik anak-anaknya, dalam

perjuangan sosial keluarganya dan perjuangan Islam. Fatimah adalah wanita yang peranannya harus diterangkan dengan jelas dalam setiap dimensi untuk disampaikan kepada generasi (bukan sahaja Muslim tetapi sesiapa sahaja, lelaki atau wanita yang mempunyai perasaan kemanusiaan dan mempercayai nilai kemanusiaan serta benar-benar mahukan kebebasan) dan harus diterima sebagai model yang terbaik dan efektif untuk diikuti dan ditiru oleh generasi sekarang.⁴²

Apabila Nabi Muhammad mengatakan Fatimah adalah salah seorang daripada wanita terbaik di dunia, baginda mendidiknya dengan segala penderitaan, kesukaran dan kepahitan dalam hidupnya lalu membayangkannya bahawa dia akan menjadi wanita terpilih di kalangan wanita-wanita di dunia, beliau tidak berpura-pura memujinya atau memberi didikan yang silap kepadanya. Baginda sangat serius dalam perkara ini. Baginda memperakukan bahawa Fatimah akan bersabar dan mampu menanggung beban dan tanggungjawab menjadi Fatimah. Baginda bertujuan memperkenalkan Fatimah sebagai model dan simbol untuk manusia belajar daripada kehidupannya dan mencontohnya.⁴³

Shariati menerangkan bagaimana kita boleh belajar daripada kehidupan Fatimah. Contohnya, Fatimah meminta agar Fadak dikembalikan kepadanya bukanlah kerana hendak memiliki sekeping tanah yang kecil. Perjuangan dan usahanya adalah kerana dia memperjuangkan haknya walaupun mendapat tentangan daripada sahabat Nabi s.a.w. Oleh itu, Fadak merupakan simbol dan sebab bukan sekadar tanah.

4.5.3 Zainab binti Ali

Zainab adalah anak perempuan kepada Ali Bin Abi Talib dan Fatimah Az-Zahra. Beliau merupakan wirawati atau serikandi Karbala. Beliau berhadapan dengan tugas yang sukar dengan menyaksikan kesyahidan saudara-saudaranya dan beliau sendiri ditangkap dan ditawan lalu dibawa ke pengadilan Ibn Ziyad dan Yazid. Beliau telah memimpin sisa rombangan dengan penuh kesukaran kerana mereka dipaksa berjalan kaki ke Kufah, tidak diberi makan dan minum, dilarang berjalan lambat atau beristirehat serta berpakaian koyak-koyak. Perjalanan mereka ke Kufah diiring seperti binatang ternakan.

Semasa berhadapan dengan Ibn Ziyad yang terkenal dengan begis dan kejam, Siti Zainab r.a. telah menjawab dengan tenang dengan berkata, “Mereka keluargaku, telah ditakdirkan Allah s.w.t. menemui ajal dalam perjuangan melaksanakan tugas menegakkan ajaran Allah. Dengan demikian mereka mati sebagai pahlawan syahid. Percayalah, pada suatu saat engkau pasti akan berjumpa dengan mereka di hadapan Hakim Yang Maha Adil. Pada saat itulah kalian akan mengetahui siapa sebenarnya yang berada di atas kebenaran dan akan menerima ganjaran Allah s.w.t. Dan kelak engkau pun akan mengetahui juga siapa yang akan menerima siksa pedih”.⁴⁴

Manakala semasa mendengar perintah Ubaidillah bin Ziyad supaya membunuh Ali zainal Abidin, Zainab berteriak, “Hai Ibn Ziyad, belum cukup banyakkah darah yang telah kau tumpahkan? Tidakkah engkau dapat menyisakan, walau hanya seorang anak yang sedang sakit ini? Kalau engkau hendak membunuhnya, bunuhlah kami semua

bersama dia!” Zainab r.a. gigih berjuang menyelamatkan nyawa Zainal Abidin r.a., denganlah itu selamatlah jalur keturunan Rasullullah s.a.w. hingga ke akhir zaman.⁴⁵

Semua wanita tanpa mengambil kira kelas serta peringkat kehidupan, bangsa, agama, ideologi sosial, yang percaya pada nilai kewanitaan akan menerima Zainab simbol kekal bagi sosial, kemanusiaan dan kepimpinan progesif wanita.⁴⁶

4.5.4 Wanita pada zaman Rasulullah s.a.w.

Sebilangan wanita muda telah menunjukkan minat untuk menyertai peperangan Hunain⁴⁷. Diatas, permintaan mereka, Rasulullah s.a.w. telah mengambil sekumpulan 15 orang wanita muda berserta tentera Islam supaya mereka boleh membantu semasa peperangan tersebut.

Di Madinah, atas perintah Nabi s.a.w., di dalam Masjid Nabawi di Madinah iaitu tempat solat umat Islam, dibuat satu anjung yang digunakan untuk hal-hal sosial. Setiap penjuru anjung tersebut menyediakan perkhidmatan sosial yang berbeza. Di salah satu penjuru terdapat khemah Ruqiah untuk menjaga serta merawat tentera yang cedera sewaktu peperangan dan Saad ibn Muaz yang cedera semasa peperangan Khandaq dirawat di tempat tersebut. Tradisi menjaga dan merawat pesakit berterusan hingga beberapa abad. Namun kita lihat, golongan intelektual kita mengumumkan bahawa wanita Eropah dan Amerika yang berkhidmat dalam Perang Dunia Pertama yang telah mengasaskan kejururawatan. Mereka menafikan jururawat yang berkhidmat pada zaman

awal Islam kerana ianya adalah tradisi agama. Di sini kita lihat fakta dikelirukan, hak dibuang, kebolehan dikorbankan atas nama tradisi agama. Banyak nilai agama dilupakan atas nama intelektualisme dan penentangan terhadap kepercayaan agama tradisional.⁴⁸

4.5.5 Peranan Wanita Dunia Ketiga

Peranan wanita Dunia Ketiga adalah membuat pilihan. Mereka tidak boleh menerima acuan yang diwarisi (tradisional) oleh mereka begitu juga acuan yang diimport dari Barat. Mereka perlu mengetahui kedua-duanya. Acuan tradisional ialah acuan yang diwarisi di atas nama tradisi dan tidak berkaitan dengan Islam, sebaliknya berkaitan dengan budaya etnik yang mengutamakan lelaki dan budaya perhambaan. Acuan yang diimport dari Barat pula bukanlah sains, kemanusiaan, kebebasan dan liberalisasi. Ianya tidak berdasarkan kesucian dan penghormatan kepada wanita sama sekali. Sebaliknya ia hanyalah sekadar tipu daya yang memperbodohkan golongan pengguna. Kolonial Barat mengeksport kebebasan seks ke negara-negara Timur untuk ditukar-ganti dengan bahan mentah dari Timur.⁴⁹

Wanita Dunia Ketiga perlu memilih model terbaik iaitu bukan model wanita tradisional yang tidak mempunyai hak dan bukan juga wanita moden yang memperjuangkan kebebasan seks. Bukan wanita-wanita seperti Madame Guashan⁵⁰, De La Vida,⁵¹ Madame Curie⁵², Resass De La Chapelle⁵³, Angela,⁵⁴ Madame Twiggy⁵⁵, Jacky Onassis, Brigitte Bardot, Ratu Monaco dan tujuh wanita pengawal James Bond kerana mereka merupakan boneka Eropah. Sebaliknya, adalah personaliti yang menjadi

simbol dalam sejarah Islam iaitu mereka yang merupakan ahli yang sebuah keluarga. Sebuah keluarga yang mana setiap ahlinya merupakan simbol dan model. Hasan merupakan simbol kesabaran dan keamanan, Husin merupakan simbol kerohanian dan perjuangan agama iaitu jihad dan syahid, Zainab merupakan simbol pembawa misi sosial iaitu keadilan dan kebenaran, Fatimah simbol wanita sebenar dan Ali simbol keperibadian mulia.⁵⁶

NOTA HUJUNG

-
- ¹ Morteza Mutahhari, *Man and Faith*, translated by Amir Forough Abri and Mohammad Reza Talebinejad, Iran University Press, Iran, 1982, HLM 5-8.
- ² *Ibid.*
- ³ Saedah Siraj, *Pendidikan Rumah Tangga*, Alam Pintar Enterprise, Kuala Lumpur, 2001, hlm 3-5.
- ⁴ Ali Shariati, *Man And Islam*, Part I, <http://www.shariati.com/human.html>, hlm 1.
- ⁵ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam*., Translated from the Persian by Hamid Algar, Mizan Press, Berkeley,USA,1979, hlm 72-73.
- ⁶ *Ibid.*, hlm 74-75.
- ⁷ *Op.cit.*, hlm 2-3.
- ⁸ Ali Shariati, *Horr*, <http://www.shariati.com/horr.html>, hlm 1-4.
- ⁹ Ali Shariati, *Man And Islam*, Part II, <http://www.shariati.com/human.html>, hlm 3-4.
- ¹⁰ Ali Shariati, *On The Sociology Of Islam op.cit.*, hlm 80-81.
- ¹¹ Ali Shariati, *And Once Again Abu Dhar*, <http://www.shariati.com/abudhar.html>, hlm 1-5.
- ¹² Ali Shariati, *Muhammad Iqbal, A Manifestation of Self-reconstruction and Reformation*, <http://www.shariati.com/iqbal.html>, hlm 1-2.
- ¹³ Dr. Ali Shariati, *Mission Of A Free Thinker*, Part I, <http://www.shariati.com/mission1.html>, hlm 1-5.
- ¹⁴ *Ibid.*
- ¹⁵ *Ibid.*
- ¹⁶ *Ibid.*
- ¹⁷ Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part I*, <http://www.shariati.com/begin/begin1.html>, hlm 1.
- ¹⁸ Ali Shariati, *What Is To Be Done: The Enlightened Thinkers And An Islamic Renaissance*, Edited and Annotated by Farhang Rajaee, Foreword by John L. Esposito, Institute For Research And Islamic Studies, U.S.A., 1986, hlm 2.
- ¹⁹ Ali Shariati, Where Shall We Begin? Part I, *op.cit*, hlm 2.
- ²⁰ *Op.cit.*, hlm 4-5.
- ²¹ *Ibid.*, hlm 6-7.
- ²² Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part II*, <http://www.shariati.com/begin/begin2.html>, hlm 2.
- ²³ Ali Syari'ati, *Rasulullah s.a.w. Sejak Hijrah Hingga Wafat: Tinjauan Kritis Sejarah Nabi Periode Madinah*, Diterjemahkan dari buku aslinya: Muhammad s.a.w. Khatim An-Nabiyyin Min Al-Hijrah Hatta Al-Wafat oleh Afif Muhammad dan disunting oleh Achmad Hadi, Pustaka Hidayah Bandung, Cetakan Ketiga 1996, hlm 42-43.
- ²⁴ Ali Syariati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, Penerjemah & Pengantar oleh Dr. M. Amien Rais, Penerbit CV. Rajawali, Indonesia, 1984 dan Thinker's Library Sdn. Bhd., Malaysia, 1987, hlm 112-113.
- ²⁵ Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part III*, <http://www.shariati.com/begin/begin3.html>, hlm 2.
- ²⁶ Ali Shariati, *What Is To Be Done: The Enlightened Thinkers And An Islamic Renaissance*, *op.cit.*, hlm 14-15.
- ²⁷ Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part IV*, <http://www.shariati.com/begin/begin4.html>, hlm 1.
- ²⁸ *Ibid.*, hlm 2.
- ²⁹ Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part V*, <http://www.shariati.com/begin/begin5.html>, hlm 1.
- ³⁰ Ali Shariati, *What Is To Be Done: The Enlightened Thinkers And An Islamic Renaissance*, *op.cit.*, hlm 21.
- ³¹ *Ibid*, hlm 22.
- ³² Ali Shariati, *Where Shall We Begin? Part VII*, <http://www.shariati.com/begin/begin7.html>, hlm 1-2.
- ³³ Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part I, <http://www.shariati.com/woman/woman1.html>, hlm 1-5.

³⁴ Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part II, <http://www.shariati.com/oman/woman2.html>, hlm 1-5.

³⁵ Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part III, <http://www.shariati.com/woman/woman3.html>, hlm 1-6.

³⁶ Ali Shariati, *Haji*, Diterjemah oleh Anas Mahyuddin dan disunting oleh Ammar Haryono, Penerbit Pustaka, Bandung, Cetakan Ketiga 1997, hlm 29-30.

³⁷ Ali Syariati, *Fatimah Az-Zahra: Peribadi Agung Putri Rasulullah s.a.w.*, Diterjemah dari Fatimah is Fatimah oleh Muhammad Hashem Assagaf dan disunting oleh Drs. Ali Yahya, Psi, Yayasan Fatimah, Indonesia, 2001, hlm 149-158.

³⁸ *Ibid.*, hlm 164-165.

³⁹ K.H. Abdullah Nuh, *Fadha'il Ahlubait Rasulullah s.a.w.*, Klang Book Centre, Kuala Lumpur, 1988, hlm 161-162.

⁴⁰ Ali Syariati, *Fatimah Az-Zahra: Peribadi Agung Putri Rasulullah s.a.w.*, op.cit. hlm 41.

⁴¹ Dr. Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part II, <http://www.shariati.com/oman/woman2.html>, hlm 1-6.

⁴² Ali Shariati, *Red Shi'ism*, translated by Habib Shirazi, The Shariati Foundation and the Hamdami Publishers, Tehran, 1979, hlm 5.

⁴³ Ali Syariati, Tugas Cendekiawan Muslim, op.cit., hlm 196.

⁴⁴ H.M.H. Al-Hamid Al-Husaini, *Al-Hussain bin Ali r.a. Pahlawan Besar dan kehidupan Islam Pada Zamananya*, Pustaka Bandung, Indonesia, 1978, hlm 382.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm 383-384.

⁴⁶ Dr. Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part III, <http://www.shariati.com/woman/woman3.html>, hlm 1-6.

⁴⁷ Hunain adalah satu tempat yang terletak antara Mekah dan Jeddah. Jarak tempat tersebut daripada Madinah lebih daripada 600 kilometer dan mengambil masa tujuh bulan perjalanan.

⁴⁸ Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part III, op.cit., hlm 1-6.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Seorang wanita yang telah mengkaji falsafah ibn Sina, Ibn Rush, Mulla Sadra, Hadi Sabzevari dlm falsafah Yunani dan Aristotle kemudian membandingkannya, lalu memberi terjemahan yang tidak tepat terhadap Islam.

⁵¹ Seorang wanita Itali yang telah mengedit dan melengkapkan "Ilmu Pengetahuan tentang jiwa" karya Ibn Sina dari naskah Aristotle.

⁵² Wanita yang telah membuat penemuan tentang quantum dan radioaktif.

⁵³ Seorang wanita Sweeden yang mengetahui tentang Ali lebih daripada semua ilmuwan Islam.

⁵⁴ Seorang wanita Amerika yang dipenjara akibat diskriminasi kaum.

⁵⁵ Seorang tokoh puncak wanita sebagai manifestasi ideal peradaban Barat iaitu Ratu Dunia '71.

⁵⁶ Ali Shariati, *Fatimah Az-Zahra: Peribadi Agung Putri Rasulullah s.a.w.*, op.cit., hlm 95-98.